BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 05/20/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Rabu, 13 Mei 2020

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2020

Ekonomi Malaysia, seperti kebanyakan ekonomi, terjejas akibat COVID-19 pada suku pertama 2020

Ekonomi Malaysia meningkat pada kadar yang lebih sederhana kepada 0.7% pada suku pertama 2020 (S4 2019: 3.6%). Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan berkembang dengan sederhana, manakala sektor-sektor lain menguncup. Dari segi perbelanjaan, permintaan dan pelaburan luar negeri merosot, sementara penggunaan swasta meningkat sederhana. Berdasarkan suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi menguncup sebanyak 2.0%.

Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan oleh kesan tindakan yang diambil pada peringkat global dan dalam negeri untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Pada peringkat dalam negeri, pertumbuhan sederhana ini terutamanya mencerminkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selepas pengembangan yang stabil pada dua bulan pertama tahun ini, aktiviti ekonomi mengalami penurunan yang mendadak kerana pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020. Sekatan pergerakan yang termasuk sekatan perjalanan antarabangsa dan domestik, waktu bekerja dan waktu operasi yang terhad serta penjarakan sosial wajib telah mengekang aktiviti ekonomi dengan ketara. Pengeluaran hanya dibenarkan untuk barang dan perkhidmatan perlu dan industri yang penting bersama rantaian bekalan

mereka. Sektor yang berintensif pekerja dan berorientasikan pengguna turut terjejas.

Pada suku pertama, inflasi keseluruhan kekal sederhana pada kadar 0.9%, mencerminkan terutamanya luputnya baki kesan daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) dan inflasi barangan harganya yang tidak menentu (price-volatile inflation) yang lebih rendah. Inflasi teras meningkat sedikit kepada 1.3%.

Perkembangan kadar pertukaran

Pada suku pertama 2020, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.9% berbanding dengan dolar AS, berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin yang besar berjumlah RM26.2 bilion (USD6.3 bilion) berikutan aktiviti penghindaran risiko yang semakin meningkat pada peringkat global. Perkembangan ini adalah sejajar dengan negara-negara serantau yang berada dalam keadaan ketidakpastian mengenai tempoh dan tahap keseriusan pandemik COVID-19, dan kesannya ke atas ekonomi. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan dan bank-bank pusat di seluruh dunia untuk menyokong ekonomi, sentimen pelabur terus dipengaruhi oleh prospek pertumbuhan global yang semakin lemah dan tidak menentu. Hasil daripada penghindaran risiko yang berterusan dalam pasaran kewangan global dan permintaan untuk aset selamat (safe haven assets), Malaysia terus mengalami aliran keluar portfolio bukan pemastautin dan ringgit menyusut nilai sebanyak 5.8% berbanding dengan dolar AS pada tahun 2020 (setakat 12 Mei). Memandangkan persekitaran yang tidak pasti ini akan berterusan dalam jangka masa terdekat, volatiliti aliran modal dan kadar pertukaran juga dijangka berlanjutan.

Keadaan pembiayaan

Pembiayaan bersih berkembang pada kadar yang mampan pada asas tahunan sebanyak 4.7%, disokong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi. Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat, sementara pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menurun. Walaupun

demikian, permintaan untuk pinjaman perniagaan dan isi rumah mencatatkan pertumbuhan yang perlahan berbanding dengan suku tahun sebelumnya.

Sejak Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Fund, SRF) disediakan pada 6 Mac 2020, institusi kewangan peserta bersama-sama BNM telah melaksanakan bantuan tersebut dengan segera bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memperoleh manfaat dengan cepat. Setakat 4 Mei 2020, institusi kewangan peserta telah meluluskan lebih 20,000 permohonan berjumlah kira-kira RM10 bilion. Permintaan terhadap SRF adalah sangat menggalakkan dan peruntukan sebanyak RM5 bilion yang diumumkan sebelum ini telah digunakan sepenuhnya dengan cepat. Kemudahan ini akan memberikan manfaat secara langsung kepada 9,000 PKS di seluruh Malaysia dan mengekalkan lebih 200,000 pekerjaan. Berikutan sambutan yang sangat menggalakkan ini, BNM telah menambah jumlah peruntukan sebanyak RM5 bilion lagi bagi memenuhi lebihan permohonan yang telah diluluskan oleh institusi kewangan peserta setakat 4 Mei 2020. Sehubungan itu, jumlah akhir peruntukan adalah sebanyak RM10 bilion. Berikutan penamatan PKP dan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur, PKS juga boleh memohon skim pembiayaan sedia ada yang ditawarkan oleh Kerajaan, institusi kewangan serta daripada peruntukan yang masih tersedia melalui Tabung BNM untuk PKS (Kemudahan Semua Sektor Ekonomi, Kemudahan Agromakanan, Kemudahan Automasi dan Digital, serta Kemudahan Usahawan Mikro). PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME yang boleh membantu membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS. Pada suku pertama tahun 2020, institusi kewangan telah mengeluarkan secara keseluruhan RM62 bilion pembiayaan kepada PKS. Daripada jumlah itu, sebanyak RM48 bilion adalah untuk tujuan modal kerja.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Semua instrumen dasar digunakan untuk mengurangkan kesan COVID-19 ke atas ekonomi

Langkah-langkah rangsangan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan menyediakan bantuan yang besar kepada isi rumah dan perniagaan. Hal ini ditambah lagi dengan pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Bank, termasuk pengurangan OPR dan SRR, penangguhan pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan selama enam bulan untuk peminjam individu dan PKS, operasi pasaran harian untuk memastikan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, dan penambahbaikan pada kemudahan pembiayaan sedia ada di bawah Tabung BNM untuk PKS. Bank juga telah membenarkan bank menggunakan penampan pengawalseliaan mereka bagi memastikan pengantaraan kewangan yang berterusan.

Ekonomi Malaysia dijangka meningkat secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020

Prospek ekonomi global dan Malaysia bagi tahun 2020 akan terjejas dengan ketara akibat pandemik COVID-19 kerana pelaksanaan langkah-langkah ketat untuk membendung penyebaran wabak ini akan menjejaskan dengan teruk permintaan luaran dan pertumbuhan dalam negeri.

Ekonomi Malaysia dijangka menguncup pada suku kedua. Hal ini mencerminkan jangka masa pembendungan yang lebih lama pada peringkat global dan dalam negeri. Apabila langkah-langkah pembendungan ini dikurangkan dan PKP dalam negara ditarik balik, aktiviti ekonomi dijangka meningkat secara berperingkat pada separuh kedua tahun 2020. Langkah fiskal, monetari dan kewangan yang besar dan kemajuan dalam projek infrastruktur awam yang berkaitan dengan pengangkutan akan memberikan sokongan selanjutnya kepada pertumbuhan pada separuh kedua tahun 2020. Sejajar dengan pertumbuhan global yang diunjurkan meningkat, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pemulihan yang positif pada tahun 2021.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2020 mungkin mencatatkan pertumbuhan negatif, disebabkan terutamanya oleh unjuran harga minyak sedunia yang jauh lebih rendah. Pada masa hadapan, prospek inflasi keseluruhan terus dipengaruhi dengan ketara oleh harga minyak dunia dan komoditi lain termasuk makanan, serta keadaan permintaan yang terus berubah. Inflasi asas dijangka lembab dalam keadaan unjuran prospek pertumbuhan dalam negeri dan keadaan pasaran buruh yang bertambah lemah.

Bank Negara Malaysia
13 Mei 2020

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1: KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada malar harga tahun 2015)

	Bahagian 2019 (%)	2019			2020
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan dalam negeri agregat (tidak termasuk stok)	94.0	4.5	4.8	4.3	3.7
Sektor Swasta	75.6	6.0	7.4	6.2	4.7
Penggunaan	58.7	7.7	8.1	7.6	6.7
Pelaburan	16.8	0.6	4.3	1.6	-2.3
Sektor Awam	18.5	-1.6	-2.3	-2.8	-0.7
Penggunaan	12.2	6.3	1.3	2.0	5.0
Pelaburan	6.3	-13.7	-8.0	-10.8	-11.3
Eksport bersih	7.0	13.0	-12.4	9.7	-37.0
Eksport barangan dan perkhidmatan	63.7	0.1	-3.4	-1.3	-7.1
Import barangan dan perkhidmatan	56.7	-1.6	-2.4	-2.5	-2.5
KDNK	**100.0**	**4.5**	**3.6**	**4.3**	**0.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.9**	**0.6**	**-**	**-2.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK mengikut Aktiviti Ekonomi (pada malar harga tahun 2015)

	Bahagian 2019 (%)	2019			2020
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Perkhidmatan	57.7	6.4	6.2	6.1	3.1
Perkilangan	22.3	4.1	3.0	3.8	1.5
Perlombongan	7.1	-1.5	-3.4	-2.0	-2.0
Pertanian	7.1	5.8	-5.7	2.0	-8.7
Pembinaan	4.7	0.4	1.0	0.1	-7.9
KDNK Benar	**100.0**[1/]	**4.5**	**3.6**	**4.3**	**0.7**

1/ Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia